

‘Golden Generation’ menurut Fethullah Gulen

BITARA

Volume 4, Issue 4, 2021: 181-196
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

‘Golden Generation’ according Fethullah Gulen

Mohd Hatib Ismail,¹ Ahmad Sunawari Long¹ & Zul’azmi Yaakob¹

Abstrak

Manusia adalah elemen penting untuk membina dan mengekalkan keamanan global. Fethullah Gulen merupakan tokoh berpengaruh yang menjadi tumpuan para pengkaji membincangkan pembentukan manusia ideal ke arah keamanan global. Kajian ini memfokuskan perbincangan mengenai pemikiran Gulen terhadap konsep pembentukan generasi manusia di masa depan. Melalui karya Gulen, analisis data dilakukan menggunakan pendekatan interpretasi terhadap pemikiran Gulen berkaitan pembinaan karakter dan peranan manusia masa kini. Hasil penelitian mendapati idea Gulen terhadap pembentukan generasi manusia terbaik atau disebut sebagai generasi emas (golden generation) berasaskan konsep manusia ideal dan masyarakat ideal. Kombinasi daripada dua konsep tersebut mampu melahirkan sebuah masyarakat manusia yang memberi impak positif terhadap urus tadbir dunia ke arah yang lebih baik dengan mengimbangi salah laku dan sikap melampau dalam tindakan. Mereka juga mampu menghadapi cabaran dunia moden yang mempunyai berbagai-bagai masalah dalam keadaan yang rasional dan aman melalui pedoman agama dan pengetahuan teknologi yang baik.

Kata kunci:

Fethullah Gulen, manusia ideal, masyarakat ideal, keamanan global, *golden generation*.

Abstract

Human beings are an essential element in building and maintaining global peace. Fethullah Gulen is an influential figure who has been the focus of researchers discussing the formation of the ideal human being towards global peace. This study focuses on a discussion of Gulen’s thinking on the concept of the formation of future human generations. Through Gulen’s work, data analysis is done using an interpretive approach to Gulen’s thinking related to character building and human roles today. The results of the study found that Gulen’s idea of the formation of the best human generation or referred to as the golden generation (golden generation) based on the concept of ideal human and ideal society. The combination of these two concepts is capable of producing a human society that has a positive impact on world governance in a better direction by balancing misconduct and extremism in action. They are also able to face the challenges of the modern world which has various problems in a rational and peaceful manner through religious guidance and good technological knowledge.

Keywords:

Fethullah Gulen, ideal human being, ideal society, global security, golden generation

¹ Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

Corresponding Author:

AHMAD SUNAWARI LONG, Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.

*e-mel: aslong@ukm.edu.my

Cite This Article:

Mohd Hatib Ismail, Ahmad Sunawari Long & Zul'azmi Yaakob. 2021. 'Golden Generation' menurut Fethullah Gulen. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(4): 181-196.

Pengenalan

Manusia berperanan sebagai khalifah Tuhan untuk mengurus tadbir dunia ke arah kebaikan dan keharmonian. Namun manusia juga mempunyai berbagai-bagai latar belakang pemikiran, tingkah laku dan rupa paras. Maka untuk mengekalkan kestabilan dan keamanan dunia, perlu wujud suatu bentuk manusia yang baik atau ideal. Manusia tersebut mempunyai ciri-ciri kebaikan dari segi penguasaan ilmu pengetahuan dan akhlak. Fethullah Gulen adalah seorang tokoh pemikir era moden yang membincangkan tentang proses pembentukan jati diri manusia yang ideal. Tujuan mewujudkan manusia ideal tersebut adalah supaya di satu masa yang mendatang dunia akan dihuni serta ditadbir dalam keadaan yang baik dan aman. Mereka dapat mengurus dan mengimbangi manusia lain yang lahir dari berbagai-bagai latar belakang agama, bangsa dan pemikiran. Mereka mampu untuk mengekalkan identiti agama dan kerohanian dengan kemajuan teknologi.

Metodologi Kajian

Data dikumpul melalui karya-karya penulisan utama Gulen dalam bentuk buku dan makalah yang relevan dengan idea pembentukan generasi manusia terbaik. Antaranya; *Towards a Global Civilization of Love and Tolerance* (2004), *Pearls of Wisdom* (2000), *Toward A lost Paradise* (1996), *Islam and Dogmatism* (2003), *Criteria or Light of the Way* (1998), dan *The Essential of The Islamic Faith* (2010).

Analisis data dilakukan secara analisis kandungan (*content analysis*). Seperti mana dinyatakan oleh Krippendorff (1980) yang menyatakan bahawa setiap kandungan teks atau pentafsiran teks mestilah mempunyai perkaitan sama ada dari sudut konteks idea itu dihasilkan seperti berikut: "*Content analysis is a research technique for making replicable and valid inferences from data to their context*". Dalam konteks kajian ini, pendekatan interpretasi yang signifikan terhadap idea dan pemikiran Gulen dibincangkan secara terperinci mengenai kehidupan manusia masa kini.

Peribadi Gulen

Nama sebenar beliau ialah Muhammad Fethullah Gulen. Beliau lahir di Erzurum, di sebelah Timur Anatolia, Turki pada tahun 1941 (Saritoprak & Griffith 2005). Beliau membesar dalam persekitaran keluarga yang amat menitik beratkan mengenai soal keagamaan. Justeru, pendidikan awalnya bermula sejak dari rumah di mana guru pertama beliau adalah ibu bapanya sendiri. Ibunya yang mengajarkan al-Quran kepada beliau dan rakan-rakan di kampung, manakala ayahnya pula adalah seorang imam yang amat dihormati (Turam 2015; Kurtz 2005). Beliau memperoleh pendidikan agama di beberapa buah institusi pengajian tradisional yang

berada di sekitar kawasan tempat tinggalnya. Pendidikan dan kemahiran yang diperoleh daripada guru dan agamawan yang masyhur pada ketika itu menjadikan beliau seorang yang mahir dalam bidang agama.

Antara guru beliau iaitu Muhammad Lutfi Efendi yang mengajar tentang ilmu kerohanian dan latihan keagamaan. Manakala, pembelajaran bahasa Arab oleh Sadi Efendi dan guru al-Quran oleh Hacı Sidqi Efendi. Gulen telah menghafaz keseluruhan al-Quran di usia yang sangat muda iaitu ketika berusia 7 tahun (Yucel 2010; Saritoprak & Griffith 2005). Berkat usaha dan ketekunan Gulen dalam pengajian telah berjaya membuahkan hasil apabila mendapat keputusan yang cemerlang seterusnya mengatasi rakan-rakan sebaya dengannya. Pada tahun 1958, Gulen mendapat tauliah menjadi pengkhotbah (*preacher's lisenca*) dan di hantar bertugas ke Izmir, iaitu wilayah ketiga terbesar di Turki.

Gulen adalah seorang sarjana muslim yang aktif dalam pelbagai bidang sehingga diiktiraf sebagai tokoh sufi, intelektual, pendidikan Islam, pendakwah, pemikir berpengaruh, pejuang keamanan, pendukung dialog dan aktivis sosial (Yucel 2010; Ahsan Khan 2011; Albayrak 2011; Ali Salihin 2014; Ahmad 2017). Pada tahun 2008, beliau telah diangkat sebagai *The World's Top 100 Public Intellectuals* oleh *Washington-based Carnegie Endowment for International Peace* (Lacey 2014). Beliau turut disenarai sebagai antara tokoh paling berpengaruh dalam *The Muslim 500 : The World's 500 Most Influential Muslims* selama lima tahun berturut-turut (2009-2015) berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh *The Royal Islamic Strategic Studies Centre* (Schleifer 2015). Pemikiran tokoh ini telah menjadi tumpuan para ahli akademik dari blok timur dan barat untuk menjalankan kajian sekali gus mempopularkan beliau di mata dunia sebagai seorang yang amat berpengaruh. (Balci 2003; Saritoprak & Griffith 2005; Kurtz 2005; Billici 2006; Celik & Valkenberg 2007; Yucel 2010; Ahsan Khan 2011; Albayrak 2011; Yucel 2013; Ali Salihin 2014; Turam 2015; Kayaoglu 2015; Ghulam & Munaza 2016; Ahmad 2017). Anjuran untuk mengkaji pemikiran beliau dibuktikan dengan penganjuran persidangan-persidangan akademik khas terhadap sumbangan beliau terhadap bidang pendidikan, sosial, dialog antara agama dan gerakan Gulen (*Gulen Movement*) (Albayrak 2011).

Pertubuhan yang diketuainya sendiri dikenali sebagai *Gulen's Movement* (pergerakan Gulen) merupakan satu gerakan yang paling berjaya dan terkenal sebagai *faith-based movement* (pergerakan berasaskan agama) (Keles 2007). Gerakan berasaskan kepercayaan ini membawa mesej yang penting untuk mewujudkan dunia yang lebih baik (Light 2004) melalui gerakan aktivis, *interfaith* (antara agama) dan *intercultural dialogue* (dialog antara budaya). Pendekatan yang diperkenalkan Gulen dalam gerakan beliau merupakan satu anjakan paradigma yang dilihat mempunyai matlamat dan visi yang jauh serta berpotensi dalam menyebarkan syiar Islam di mata dunia.

Ketokohan Gulen amat dikagumi dalam kalangan masyarakat Turki. Maka, tidak hairanlah beliau dikenali sebagai sarjana dan pemikir Islam yang berprofil tinggi sehingga ke hari ini. Penulisan beliau menjadi inspirasi jutaan manusia dan telah tersebar di beberapa ratus institusi pendidikan seluruh dunia (Yucel 2010). Inspirasi daripada kewibawaan Gulen sebagai pemimpin yang berpengaruh telah mengaktifkan pengikut beliau untuk menyebarkan mesej dan idea beliau ke seluruh dunia. Ini dibuktikan dengan pengikut-pengikut beliau banyak melakukan aktiviti kemanusiaan di banyak negara seperti di negara benua Afrika dan Asia Tengah. Pengikut Gulen juga berusaha mengasaskan sekolah dan institusi sama ada di dalam

dan di luar Turki. Hasilnya, terdapat lebih 1000 buah sekolah berjaya dibina yang memiliki puluhan ribu pelajar dan guru seluruh dunia di bawah gagasan Gulen (Balci 2003; Gulay 2007; Kayaoglu 2015; Ghulam & Munaza 2016).

Usaha-usaha memperkenalkan tokoh-tokoh keamanan dan dialog dari berlainan agama juga perlu dipergiatkan supaya cara mereka boleh diteladani oleh pengikut masing-masing. Seperti pernah dilakukan di University of Texas yang mengadakan simposium tokoh-tokoh yang dikenali sebagai *'Peaceful Heroes'* (pejuang keamanan). Tokoh-tokoh berkenaan adalah tokoh yang menyumbang kepada keamanan global dan menolak keganasan. Antaranya; Martin Luther King, Mahatma Gandhi, Nelson Mandela, Dalai Lama, Dorothy Day, Fethullah Gulen, Cesar Chavez, Robert Capa dan Abdul Gaffar Khan (Fahri Karakas 2004).

Namun, tokoh ini juga tidak terkecuali dengan isu-isu kontroversi, pada tahun 1998 beliau dituduh berkomplot menentang kerajaan Turkey sehingga memaksa beliau berpindah ke Amerika Syarikat dan terus tinggal di Saylorsburg, Pennsylvania (Turam 2015). Beliau juga turut didakwa sebagai pencetus kepada satu organisasi pro-keganasan oleh kerajaan Turki dan sekutunya dalam peristiwa cubaan penggulingan kuasa *The Atetempted Coup of the 15th of July* (Yavuz & Koc 2016; Amjad Hussein & Ali Ayten 2017). Berikutan peristiwa terbabit, Gulen menjadi orang yang paling dikehendaki oleh kerajaan Turki selepas dituduh sebagai dalang utama peristiwa cubaan untuk menggulingkan kerajaan di bawah pemerintahan Recep Tayyip Edorgan. Walaupun dalam sebuah wawancara khas, Gulen menafikan dakwaan tersebut, isu ini tetap menjadi satu tamparan hebat terhadap kewibawaan seorang tokoh yang menganjurkan kedamaian dunia.

Generasi Manusia Terbaik Menurut Gulen

Gulen berpegang bahawa ajaran sufi adalah sebahagian daripada tradisi ajaran Islam. Namun begitu, beliau meletakkan syarat untuk menilai kebenaran ajaran sufi harus mematuhi perkara berikut; mereka yang mengikuti jalan Nabi dan para sahabat baginda serta sentiasa berada dalam garisan ajaran Islam, Menghayati inti pati Islam sebenar bersama kerangka ajaran sufi dengan harapan mendapatkan keredaan Allah. Perkara ini telah dinyatakan oleh Gulen (2009) seperti berikut:

"Sufism is the spiritual life of Islam. Those who represent Islam according to the way of the prophet and his companions have never stepped outside this line. A tariqah is an institution that reaches the essence of religion within the framework of sufism and by gaining God's approval, thus enabling people to achieve happiness both in this world and in the next".

Menilai kenyataan di atas, Gulen menggariskan kerangka pandangan semesta atau *world view* ajaran sufi adalah ajaran Islam yang bertepatan dengan kerangka kehidupan Nabi Muhammad s.a.w dan disusuli teladan yang dibawa oleh para sahabat. Mengikuti landasan yang telah dicontohi oleh Nabi Muhammad dan para sahabat alah satu kemestian dalam memenuhi kriteria keislaman seseorang. Cara hidup Islam seperti Nabi dan para sahabat diteruskan oleh

golongan sufi. Mereka berperanan untuk menyeru manusia ke arah kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Penting untuk diamati adalah bagaimana kerangka pemikiran Sufi Gulen dalam hal mengimbangi maksud kebahagiaan di dunia dan akhirat. Mengimbangi yang bermaksud tidak memisahkan perkara dunia iaitu mengejar kebendaan dan keseronokan sahaja. Demikian juga menumpukan perkara akhirat iaitu hanya memfokuskan ibadah khusus dengan meninggalkan perkara dunia. Ini kerana, Gulen berusaha melakukan reformasi terhadap ajaran Sufi yang mampu berada selari dengan arus kehidupan ilmu dunia moden. Reformasi yang mana ajaran sufi bukan lagi bersifat kelompok atau kumpulan tertentu sahaja, namun ajaran sufi boleh berada pada setiap individu Islam. Ajaran sufi yang diamalkan oleh setiap lapisan masyarakat sama ada mereka terdiri daripada golongan agamawan, pemimpin, profesional, buruh, guru, murid atau orang awam.

Gulen berusaha untuk membina jambatan antara nilai kerohanian (kesufian) dan realiti kehidupan moden dunia global. Dalam konteks kajian ini, keamanan global dalam usaha tersebut akan menjadi fokus perbincangan. Antara aspek penting dalam keamanan global ialah melahirkan manusia yang boleh hidup bersama ataupun disebut sebagai '*peaceful co-existence*' (Sunier 2013).

Pemikiran sufi Gulen menjurus kepada satu dimensi baru dalam bidang tasawuf. Perkara ini dipersetujui oleh Zeki Saritoprak (2005), yang mana Gulen adalah seorang tokoh sufi di dalam kelas yang tersendiri. Gulen mempunyai variasi pemikiran dan idea dalam pembentukan karakter seorang muslim melalui hati (*the inward being*), sebagai asas kepada kebijaksanaan dan kerohanian. Gulen tidak terikat dengan mana-mana tarekat khusus atau dikenali sebagai seorang sufi yang bersifat tradisional. Malah Gulen seorang sufi yang bebas (*independent*) dalam jalan atau cara beliau tersendiri.

Namun, perlu diperjelaskan di sini bahawa Gulen bukan mencipta tarekat atau mazhab pemikiran sufi yang baharu. Sebaliknya, Gulen lebih kepada melakukan pembaharuan dalam menterjemahkan realiti sebenar ajaran sufi kepada perbuatan manusia. Gulen seorang pemikir yang kreatif meletakkan nilai tradisional sufi di tengah-tengah arus dunia globalisasi serta melakukan inovasi terhadap pengamalan sufi dalam masyarakat moden.

Gulen mengimpikan satu generasi baru terbina dalam kalangan masyarakat global yang mana beliau disebut sebagai *The Awaited Generation*. Menurut Gulen generasi baru ini mampu untuk mencapai cita-cita sebuah masyarakat yang hidup dalam dunia globalisasi yang menerima kewujudan manusia sejagat dan dapat hidup bersama dengan aman. Suasana dunia era moden ini yang menimbulkan berbagai-bagai kerosakan dan pertelingkahan dalam kalangan manusia. Gulen (1998) membayangkan dunia yang aman akan tercapai dengan lahirnya satu generasi yang dinantikan, seperti dinyatakan beliau:

"We live in the darkest of nights until they appear on our horizon with radiant faces promising the breaking dawn. Once they have appeared on our horizon, this land of the wretched and miserable, resembling a gloomy graveyard, will begin to be cheered by flowers of every kind. If our hopes are not blighted by poisonous wind, this land, changing into flower-garden through the reviving water that generations brings. will be a place of happiness and "spiritual recreation" for all the world's people, a place of peace, harmony and serenity".

Menurut Gulen, apabila generasi yang dapat direalisasikan maka masyarakat global akan berubah kepada satu generasi terbaik yang disebut sebagai *Golden Generation*. Generasi ini mempunyai beberapa ciri-ciri yang disifatkan ‘*Golden*’ iaitu; Mereka adalah sebahagian tanda rahmat Tuhan, berperanan sebagai penyelamat menyelesaikan kerosakan yang berlaku. Mereka memiliki ilmu pengetahuan dan sifat kasih sayang yang tinggi seiring dengan keimanan yang teguh. Mereka juga berada di landasan wahyu Tuhan dan mampu membimbing manusia menuju jalan kebahagiaan (syurga). Gulen (1998) menjelaskan tentang perkara tersebut dengan:

“The world is to be saved by that ‘golden’ generation who represent the Divine Mercy, from all the disaster, intellectual, spiritual, social and political, with which it has long been afflicted. The world will come back, through their efforts, to its ‘primordial’ pattern, on which God created it, and be purified of all kinds of deviation and ignorance, so that people may rise to the highest of the high on the ladder of belief, knowledge and love, supported against the heavens by Divine Message. Humankind have never been so wretched as they are today. They have lost all their values: the ‘table of art and literature’ is vandalized by drunks; thought is capital wasted in the hands of people suffering from intellectual poverty; science are tools used in the name of unbelief. Amid such disorder and bewilderment, the people neither know their destination in the world nor the direction to follow to reach that destination”

Gagasan idea Gulen di atas merupakan satu cita-cita yang perlu diusahakan oleh lapisan masyarakat sekiranya mahu melihat dunia yang lebih aman dan tenteram. Dunia perlu diselamatkan daripada kebinasaan serta sifat manusia yang rosak dari segenap penjuru seperti nilai intelek, sosial, kerohanian dan politik. Maka idea Gulen merupakan satu usaha mengembalikan manusia secara global kepada satu tahap yang terbaik. Tahap yang dimaksudkan tersebut ialah manusia yang berpegang kuat kepada agama, memiliki ilmu pengetahuan dan rasa cinta berpandukan wahyu Tuhan. Gulen amat menekankan kepentingan hubungan Tuhan dan manusia sebagai asas kepada idea beliau. Tanpa merasai kewujudan dan kekuasaan Tuhan manusia akan alpa dan melakukan perkara yang bersalah dengan fitrah kejadian alam serta tidak mengikut aturan yang sudah Tuhan tetapkan. Gulen (1998) dalam kenyataan beliau menjelaskan; *“The fortunate ones who in their actions obey their spirits will always in the direction of pleasing the Creator and of humanity and praise worthy virtues”*

Menurut Gulen, keperluan ‘*Golden Generation*’ dapat mengimbangi suasana kemanusiaan zaman ini yang telah kehilangan nilai-nilai baik manusiawi. Manusia seperti hilang arah tuju tanpa pedoman, golongan intelek menjadi miskin dan terbuang, sains hanya bersifat materialistik, malah ilmu menjadi sebab kepada kerosakan iman. Dalam hal ini, Bekim Agai (2003) menambah hujahan idea Gulen dengan menyatakan jika generasi yang diutarakan dapat dicapai, mereka akan mengimbangi dan mengatasi ideologi-ideologi yang sedia ada. Malah jiwa generasi tersebut tidak mudah dirantai dan dibelenggu oleh fahaman yang boleh membawa mereka ke arah jalan yang salah.

Idea Gulen ini tampak seumpama terlalu idealis. Melihat kepada realiti kehidupan manusia era moden ini, idea ini akan mengambil masa yang begitu lama untuk dicapai. Cabaran kepada idea ini adalah bagaimana untuk menyusun dan mengatur manusia berlandaskan wahyu

Tuhan, sedangkan kebanyakan negara umat Islam masih terumbang-ambing. Malah, sempadan benua, wilayah, negara, kaum, agama, politik, kuasa dan kekayaan merupakan cabaran yang paling sukar dikawal. Namun begitu, Gulen seorang intelektual yang berpandangan jauh, beliau sendiri sudah menyedari tentang rintangan dalam idea tersebut. Maka, Gulen bijak menggariskan serta mencadangkan beberapa idea lain sebagai kesinambungan idea beliau. Kesinambungan idea Gulen boleh diperhatikan melalui membina sahsiah keperibadian muslim terlebih dahulu yang disebut sebagai manusia ideal (*Ideal Man*) dan masyarakat ideal (*Ideal People*).

Konsep Manusia Ideal (*Ideal Man*)

Gulen bukan tokoh pertama yang membincangkan atau memperkenalkan konsep manusia yang ideal. Terdapat beberapa istilah lain seperti *universal man*, dan *perfect man* yang diguna pakai bagi menggambarkan bentuk manusia sempurna. Perbincangan konsep mengenai manusia ideal juga dibincangkan oleh tokoh-tokoh Islam terdahulu seperti al-Rumi (1207-1273), Suhrawardi (1154-1191) dan Ibn Arabi (1165-1240) dengan menggunakan istilah *insan al-kamil*. Terdapat juga tokoh yang terkemudian membincangkan perkara ini seperti Muhammad Iqbal (1877-1938) dengan istilah *perfect man hood*. Begitu juga, tokoh yang era moden ini iaitu Syed Hussein Nasr (1933-kini) yang kembali istilah *al-insan al-kamil*. Istilah-istilah tersebut merujuk kepada perbincangan mengenai manusia yang sempurna.

Ibn Arabi membahagikan manusia yang sempurna kepada dua keadaan seperti berikut: pertama, kesempurnaan manusia secara universal, iaitu secara umumnya setiap manusia sudah tercipta sempurna, manusia terhasil sifat-sifat kesempurnaan Tuhan. Maka sebab itu manusia telah dijadikan sebagai khalifah di bumi mewakili Tuhan. Kedua, kesempurnaan manusia secara individu, dalam hal ini terdapat dua faktor perhubungan yang mempengaruhi manusia sempurna iaitu faktor *internal* (ilahiyah) dan *external* (dunia). Menurut Ibn Arabi, manusia sempurna (*al-insan al-kamil*) berlawanan dengan manusia yang bernafsu binatang (*al-insan al-hayawan*). Manakala pandangan al-Rumi pula senada dengan Ibn Arabi pada bahagian manusia secara universal, yang mana meletakkan manusia yang sempurna sebagai pantulan kepada sifat Tuhan. Al-Rumi turut berpendapat bahawa penciptaan Nabi Adam a.s sebagai satu prototaip bentuk kesempurnaan manusia dan juga makhluk pilihan yang dilantik menjadi khalifah Allah di muka bumi. Menurut al-Rumi, manusia sentiasa berevolusi melayari bahtera kehidupan untuk mencapai tingkat kesempurnaan. Tingkat yang paling tinggi untuk manusia sempurna adalah kembali dalam kembali ke pangkuan Pencipta. Suhrawardi pula membicarakan tentang manusia sempurna mengikut kebolehan dalam ilmu pengetahuan dengan menggabungkan dua aspek iaitu: daya intelektual (rasional) dan daya intuisi (gerak hati). Apabila manusia sudah mencapai tahap pengetahuan hasil gabungan dua aspek daya tersebut, maka manusia tersebut layak menjadi khalifah dan mampu memberi perubahan kepada masyarakat (Ernita 2015).

Tokoh terkemudian iaitu Muhammad Iqbal melihat kepada kelemahan manusia yang terlalu akur dan tunduk kepada kehendak duniawi menyebabkan seseorang itu gagal mencapai manusia sempurna. Namun, menurut Muhammad Iqbal apabila cara memandang kepada dunia boleh berubah iaitu tidak bersifat duniawi semata-mata. Maka, manusia sempurna boleh dicapai dengan tiga ciri utama iaitu; pertama tunduk dan taat kepada hukum Tuhan, kedua, mampu

mengawal dan menguasai diri (*self control*) dan ketiga bertindak sebagai wakil Tuhan di muka bumi sebagai khalifah (Rusdin 2016).

Manakala Syed Hussein Nasr lebih kompleks membincangkan soal manusia sempurna terutamanya perihal peranan manusia di era moden. Tokoh ini hidup pada zaman ini, maka perbincangan beliau lebih dekat dan sesuai dengan situasi dunia yang berlaku pada hari ini. Perbincangan Syed Hussein Nasr tertumpu pada manusia moden yang menghadapi beberapa masalah iaitu; Pertama, sikap manusia yang alpa dan lupa diri sehingga hilang kesedaran terhadap nilai kehambaan dalam diri. Kedua; perkembangan ilmu pengetahuan yang berlaku tanpa dipandu oleh cahaya intelek. Maksud cahaya intelek adalah limpahan cahaya ketuhanan, seperti mana yang pernah dicapai oleh tokoh-tokoh intelektual kegemilangan Islam lampau. Ketiga, manusia moden terlalu bergantung pada akal semata-mata sehingga mereka terlalu bebas (*independent*) memandang fungsi holistik kewujudan alam. Ini menyebabkan manusia moden lebih banyak melakukan kerosakan dan keburukan di bumi daripada melakukan kebaikan dan manfaat. Mendepani masalah manusia moden, Syed Hussein Nasr telah membahagikan kewujudan diri manusia kepada tiga elemen; tubuh (fizikal), fikiran (*mind*) dan jiwa (*spiritual*). Tiga elemen tersebut harus bersepadu dan seimbang sesuai dengan fungsi masing-masing. Integrasi daripada tiga elemen yang disebutkan mampu melahirkan manusia sempurna. Namun tegas Syed Hussein Nasr cara untuk menyatupadukan, mengimbangi dan mengintegrasikan elemen-elemen tersebut adalah mentauhidkan Allah. Jalan terbaik untuk tauhid adalah jalan sufi yang mana merupakan satu alternatif atau penawar bagi masalah manusia moden hari ini (Moh. Asror 2016)

Semua pandangan tokoh-tokoh sebelum ini berkait rapat dengan pemikiran Gulen dari sudut mereka datang dari fahaman sufi. Sudah pasti konsep nilai kerohanian yang ditekankan tentang hubungan manusia dan Tuhan tidak jauh beza dengan pandangan Gulen. Pandangan Syed Hussein Nasr hampir mempunyai persamaan dengan idea Gulen tentang manusia ideal. Syed Hussein Nasr juga melihat kepada perlunya wujud manusia sempurna untuk mengurus tadbir dunia dalam keadaan lebih baik dan mengimbangi nilai spiritual dan material. Namun begitu, pemikiran Gulen terhadap pembentukan manusia ideal lebih lengkap dan terperinci. Manusia ideal menurut Gulen tidak terpisah dengan idea lain, malah Gulen menggabungkan setiap gagasan idea beliau. Gulen mempunyai visi yang jelas dalam idea dan beliau membina kerangka pemikiran yang jelas bagi merealisasikan idea tersebut. Oleh itu, untuk membentuk manusia ideal yang kemudian akan berkait rapat dengan masyarakat ideal, Gulen (2009) telah menggariskan ciri-ciri yang perlu ada dalam diri mereka iaitu:

Pertama, Mereka mempunyai kekuatan dari segi nilai integriti yang tinggi dalam tingkah laku dan pemikiran. Tidak dirantai dan dibelenggu dengan soal duniawi sahaja. Tidak terpengaruh dengan fahaman 'isme' yang melampau dan bercanggah dengan wahyu Tuhan. Mereka mempunyai identiti sendiri dan mewarisi sejarah keagungan Islam terdahulu.

Kedua, Mereka berupaya mengimbangi kehidupan dunia moden dan nilai kerohanian. Pemikiran dan kepercayaan mereka bergerak selari dengan kebaikan. Walaupun dalam menempuh kemodenan arus masa, mereka tidak meninggalkan nilai kebaikan tradisional (sejarah) dan amalan kerohanian (nilai ketuhanan dalam diri).

Ketiga, Mereka amat mencintai kebenaran dan berpegang teguh dengan iman. Mereka sanggup kehilangan dunia demi kebenaran dan hanya bergantung harapan kepada pertolongan dari Tuhan.

Keempat, Interaksi dan komunikasi dalam kalangan masyarakat berdasarkan akal dan hati. Mereka mampu menjaga perasaan dan menghormati setiap lapisan masyarakat. Keharmonian hidup bermasyarakat disulami dengan keadilan tanpa diskriminasi, rasa cinta dan sayang, rasa hormat dan kesetaraan layanan. Mereka tidak bersifat perkauman dengan membezakan ras dan warna kulit.

Kelima, Mereka menguasai ilmu pengetahuan. Ketinggian ilmu pengetahuan selari dengan ketinggian akhlak dan moral supaya mereka benar-benar menjadi manusia. Mereka akan melahirkan generasi yang mementingkan soal moral dan kebajikan universal. Mereka akan hidup bersama membimbing dan berusaha menerangi kehidupan orang lain. Mereka akan bersama mendukung kebaikan dan membela kebenaran, begitu juga akan memerangi dan membanteras kejahatan.

Konsep Masyarakat Ideal (*Ideal People*)

Konsep masyarakat ideal secara umumnya telah dinyatakan di dalam al-Quran menerusi surah al-Baqarah ayat 143 dengan kalimah *ummat al-wasata*. Secara literal tafsiran kepada kalimah *ummat al-wasata* bermaksud satu kelompok manusia yang mengamalkan sikap sederhana dan moderat. Pemaknaan *wasata* juga hampir kepada maksud keadilan. Terdapat kalimah lain di dalam surah ali-Imran ayat 110 menjelaskan tentang contoh umat terbaik yang disebut *khayra ummah*. Melalui ayat tersebut al-Quran menjelaskan ciri-ciri umat terbaik iaitu; pertama, menyuruh kepada kebaikan, kedua menegah perkara-perkara Munkar dan ketiga, beriman kepada Allah. Berdasarkan ayat-ayat al-Quran di atas, sebaik-baik umat dalam kalangan manusia adalah mereka yang beriman kepada Allah, mengamalkan sikap sederhana, menegakkan keadilan, menyuruh kepada perkara kebaikan dan kebajikan, dan menegah manusia daripada melakukan perkara Munkar.

Sayid Qutb juga menjelaskan tentang masyarakat ideal berdasarkan syariat Islam. Masyarakat tersebut sudah diciptakan oleh Allah bersama-sama turunya syariat kepada umat Islam. Masyarakat ini berkembang mengikut landasan-landasan kehendak Allah bukan mengikut kemahuan manusia. Perkembangan masyarakat dalam segenap kehidupan sosial berkaitan undang-undang, pekerjaan, moral, dan pergaulan tertakluk kepada lunas dan garis panduan syariat yang telah ditetapkan.

Terdapat juga istilah lain dalam menggambarkan masyarakat ideal iaitu disebut sebagai masyarakat madani atau *civil society*. Menurut Naquib al-Attas, madani merujuk kepada kota dan peradaban. Manakala masyarakat madani membawa maksud masyarakat yang mempunyai peradaban yang merujuk kepada sejarah konsep kenegaraan Kota Madinah pada zaman Rasulullah dan para sahabat.

Perbincangan tentang manusia ideal turut diperkatakan oleh Ali Shariati yang mana beliau membayangkan satu masyarakat ideal yang disebut *utopia*. Menurut Ali Shariati, semua falsafah, agama dan kelompok manusia mempunyai *utopia* tersendiri berdasarkan fahaman minda dan idea mereka seperti mana Plato mengimpikan sebuah negara ideal melalui ideanya. Pembentukan sebuah masyarakat idea menurut Ali Shariati adalah keinginan oleh setiap manusia dan masyarakat secara semula jadi, maka mereka bermula dengan berimajinasi lalu membentuk idea berdasarkan ideologi pemikiran mereka. Sebagaimana Karl Marx (1818-

1883), yang memperjuangkan masyarakat tanpa kelas berdasarkan ideologi sosialisme. Ini berlaku kerana penindasan terhadap golongan bawah (proletariat) oleh golongan atas (borjuis) dalam sektor ekonomi.

Kembali kepada idea Gulen, beliau juga memusatkan pemikiran beliau ke arah satu bentuk kehidupan di dunia yang aman dan harmoni. Bahkan matlamat kebahagiaan menurut Gulen melangkaui kehidupan dunia iaitu akhirat. Idea Gulen terhadap masyarakat ideal lebih holistik dan berhubung dengan idea manusia ideal. Gulen bukan sekadar berimajinasi atau berteori, tetapi terus berusaha mengerahkan pemikiran beliau terhadap idea mewujudkan '*Golden generation*' dengan mengemukakan ciri masyarakat ideal. Ini seperti dinyatakan dalam karya beliau *Pearl of Wisdom* (2000) seperti berikut:

Peringkat pertama, disebut sebagai *people of service*. Sebuah masyarakat yang boleh menjalankan tanggungjawab sosial memberi khidmat dan layanan kepada semua orang tanpa mengira status. Mereka melaksanakan tanggungjawab moral dengan penuh dedikasi, keikhlasan hati, dan penuh penghormatan. Tanggungjawab mereka laksanakan adalah sebagai tanda rasa syukur dan pengabdian diri kepada Tuhan. Masyarakat mengamalkan sikap moderat, sederhana, toleransi, tekun, rendah hati dan rela berkorban dalam menunaikan tanggungjawab. Pandangan Gulen ini hampir kepada konsep yang diterapkan dalam al-Quran berkenaan *ummat al-Wasata*. Secara umum konsep tersebut menyatakan tentang kesederhanaan, Gulen telah memperincikan dengan lebih mendalam bagaimana bentuk pengabdian manusia kepada Tuhan dengan melaksanakan tanggungjawab manusia sebagai khalifah. Masyarakat ideal memberi khidmat sebagai satu amanah sebagai satu tanda bersyukur dan menghargai sifat pemurah dan kasih sayang Tuhan.

Peringkat kedua, dinyatakan sebagai *essentials of way*. Sebuah masyarakat yang mementingkan nilai-nilai suci manusiawi daripada keseronokan duniawi semata-mata. Masyarakat ini juga meninggalkan sifat-sifat kehaiwanan dan menolak perbuatan yang tidak berperikemanusiaan. Keutamaan dalam masyarakat adalah menambah baik kehidupan ke arah lebih sejahtera serta berpanjangan melangkaui masa yang mendatang. Masyarakat menjadi contoh kepada orang lain dengan memberi kebenaran, kepercayaan, kejujuran dan persepsi yang baik terhadap Islam. Peringkat ini merupakan cerminan kepada hasil idea manusia ideal, penting untuk manusia bersikap seperti mengikut fitrah kejadian manusia. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan ibn Arabi tentang peribadi manusia yang sempurna adalah mereka meninggalkan sifat kehaiwanan yang disebut *al-Insan al-Hayawan*.

Peringkat ketiga, dinamakan sebagai *heroes of love*. Masyarakat yang sentiasa dalam hati mereka perasaan cinta dan kasih. Mereka membangunkan dunia dalam keadaan bahagia dan mencipta masa hadapan yang lebih cerah serta harmoni. Sentiasa memberi senyuman dan meluahkan rasa cinta dan kasih kepada orang lain dengan memberi layanan yang lembut. Masyarakat ini sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk meningkatkan kesejahteraan serta melakukan perkara yang memberi manfaat kepada orang ramai. Pada peringkat ini, idea Gulen berbeza dengan konsep masyarakat ideal lain yang disebutkan sebelum ini, yang mana cinta dan kasih sayang tidak diletakkan khusus dalam intipati dalam idea mereka. Gulen telah mengkhususkan menerapkan perasaan cinta dan kasih sayang sebagai satu asas utama dalam idea beliau. Perkara ini tidak terdapat dalam idea masyarakat tanpa kelas oleh Karl Marx yang melihat kepentingan dari segi ekonomi dan kebendaan.

Peringkat keempat, disebut sebagai *personal integrity*. Masyarakat yang membersihkan diri daripada sifat buruk. Menurut Gulen, syarat untuk melakukan perubahan dan mengubah orang lain adalah dengan melakukan perubahan pada diri sendiri. Sekiranya mahu memimpin dan membimbing masyarakat lain kepada dunia yang lebih baik, seharusnya sifat kerohanian terlebih dahulu dipupuk. Masyarakat ideal perlu untuk membuang perasaan benci, dendam dan cemburu. Sebaliknya masyarakat perlu membentuk kebaikan diri dengan membalas orang lain dengan kebajikan. Dalam hal ini, menurut Gulen kata-kata atau percakapan orang yang tidak mampu berdisiplin dan mengawal perasaan sendiri tidak mendatangkan kesan kepada orang lain. Ini kerana walaupun tampak bernas dan baik, tetapi tidak memberi inspirasi kepada orang lain disebabkan kelemahan diri sendiri yang tidak mempunyai personaliti dan disiplin yang konsisten.

Peringkat kelima, dinyatakan sebagai *ideal spirits*. Masyarakat yang sentiasa memudahkan jalan orang lain. Memudahkan urusan dan membantu, mencari kebahagiaan serta tidak lokek menghulurkan tangan untuk menyenangkan orang lain. Masyarakat yang prihatin terhadap bencana yang menimpa orang lain dan menjadi benteng apabila berdepan ancaman jahat. Pada peringkat ini, masyarakat ideal cerminan dan terjemahan kepada maksud *Islam as a Religion of Universal Mercy*. Islam merupakan satu ajaran yang bersifat praktikal, masyarakat ideal bukan hanya satu idea atau impian ideologi seperti *utopia* dalam idea Ali Shari'ati.

Pemikiran Gulen mempunyai perbezaan kelebihan berbanding pemikiran tokoh-tokoh lain dalam hal membangunkan konsep manusia ideal dan masyarakat ideal. Ini adalah kerana idea Gulen lebih bersifat praktikal dan mempunyai potensi besar untuk dilaksanakan. Meskipun tidak semua idea Gulen mudah dicapai dan memerlukan tempoh masa, namun terdapat idea yang dilihat boleh dicapai. Mengamati perkara tersebut, strategi dan kerangka idea gulen disusun dengan baik, idea-idea beliau tidak terpisah. Gulen menggabungkan dua aspek yang bersifat mikro dan makro iaitu; konsep manusia secara individu (*ideal human*) yang bersifat mikro dan konsep masyarakat ideal (*ideal people*) yang bersifat makro. Seterusnya Gulen merangka strategi pemikiran beliau dengan meletakkan konsep mikro dan makro tersebut dalam bidang yang boleh dilaksanakan. Seperti bahagian perbincangan seterusnya iaitu penerapan nilai-nilai manusia ideal dan masyarakat ideal dalam sektor pendidikan.

Cabaran Terhadap Mewujudkan Generasi Manusia Terbaik Perspektif Gulen

Ciri-ciri manusia ideal dan masyarakat ideal yang dinyatakan Gulen agak sukar dicapai. Walau bagaimanapun, ada di antaranya boleh dicapai dalam konteks masyarakat setempat. Namun pada peringkat global, ciri-ciri ini memerlukan tempoh masa yang panjang selari dengan idea Gulen sebagai perancangan masa kini untuk melihat hasil di masa akan datang. Gulen membayangkan manifestasi jelmaan manusia ideal akan mewujudkan sebuah dunia yang dihuni oleh satu generasi baru yang unggul. Gulen memberikan perumpamaan keadaan itu seperti wap air yang terkumpul menjadi awan, lalu turun ke bumi sebagai air hujan menyirami tanah dan menumbuhkan bunga-bunga yang cantik.

Menurut Gulen pendidikan merupakan satu keperluan bagi umat Islam di tengah-tengah era modenisasi. Visi Gulen adalah dengan pendidikan sektor pembangunan kerohanian (hati)

dan pemikiran (minda) dapat bergerak seiring seterusnya melahirkan tingkah laku yang baik. Kesalahan juga berlaku pada hari ini apabila golongan muda terdidik meninggalkan nilai tradisional Islam (keagungan Islam masa lampau) sehingga dunia melahirkan graduan yang tiada nilai moral, sebaliknya bersifat kebendaan semata-mata. Walaupun dunia moden hari ini lebih memandang dan terpengaruh dengan budaya pemikiran barat dalam soal kemajuan sains dan teknologi. Namun Gulen (2004) mengkritik modul pendidikan dan pembangunan Barat dengan menyatakan terdapat kecacatan dalam beberapa keadaan. Keadaan itu bermula dengan perkembangan reformasi dan zaman kebangkitan Barat (*renaissance*) apabila terjadi pertembungan antara golongan yang inginkan kemajuan fizikal dan golongan gereja serta pemerintah. Atas faktor kemiskinan dan penindasan serta kejumudan pihak gereja, protes telah digerakkan dalam bidang kemajuan dan mencari penemuan-penemuan baru dalam bidang sains. Pertembungan yang terjadi mengakibatkan golongan gereja ditinggalkan, malah ajaran agama juga diketepikan. Apabila hal tersebut terjadi, perkembangan ilmu pengetahuan di Barat hanya didorong dengan keinginan untuk mencapai kemajuan yang bersifat material semata-mata. Apabila pegangan agama dan ilmu pengetahuan menjadi terpisah konflik-konflik dalam ajaran agama. Lanjutan daripada konflik-konflik yang terjadi, perkembangan ideologi di Barat terpengaruh dengan unsur materialisme dan komunisme. Akibat perebutan kuasa serta ingin menonjolkan siapa yang lebih maju dan kaya, telah berlaku eksploitasi global, peperangan dan penjajahan. Dunia juga telah menyaksikan bagaimana impak dari keadaan itu, negara-negara telah berpecah menjadi blok-blok politik dan ekonomi.

Gulen berpandangan bahawa terdapat dua keadaan yang mendorong manusia kepada sikap lemah, pengecut dan terburu-buru. Dua keadaan itu ialah *deficiency* (kelemahan diri) dan *excess* (melampau-lampau). Keadaan ini akan menjadi lebih buruk apabila dikaitkan dengan wujud mereka yang terperangkap dengan kebodohan diri sendiri dan kelicikan mereka yang mengambil kesempatan (Gulen 2004). Dua keadaan tersebut perlu diharmonikan dengan melahirkan generasi yang terdidik bagi mengurus ketidakseimbangan yang berlaku.

Pendidikan merupakan satu unsur penting dalam pembangunan spiritual dan material manusia. Gulen (2009) membahaskan pendidikan dari tiga sudut iaitu: manusia secara psikologi, sosial-bangsa dan universal. Dari sudut manusia secara psikologi, pendidikan yang perlu ditekankan adalah nilai kemanusiaan (*humanity*). Penciptaan manusia adalah kompleks meliputi elemen jasad jasmani, akal fikiran dan juga jiwa nurani. Elemen-elemen manusia perlu diintegrasikan dan bergerak secara selari dengan diasuh dengan sistem pendidikan yang benar. Setiap manusia mempunyai roh kerohanian yang mengawal perasaan dan emosi seterusnya menerbitkan tingkah laku. Manusia sendiri dilahirkan untuk belajar dan kesempurnaan diri manusia adalah dari hasil pendidikan.

Menurut Gulen (2004) umat Islam juga masih dihantui oleh peristiwa-peristiwa lalu yang melibatkan sengketa yang berlaku antara dua pihak. Jumlah umat Islam yang dibunuh lebih ramai daripada orang Kristian yang terbunuh. Sejarah itu, digunakan Barat sebagai peluang untuk merendahkan umat Islam sebagai satu kelemahan. Ini menimbulkan perasaan yang negatif terhadap barat, bahawa barat dilihat masih berterusan menekan dan menindas umat Islam hingga ke masa kini. Perkara ini menyebabkan umat Islam lambat untuk menongkah arus kepesatan ilmu moden dan teknologi serta kehilangan daya saing dalam dunia global.

Selain itu, kejatuhan empayar Islam Turki Uthmaniyyah dan era penjajahan barat masih kekal dalam ingatan umat Islam. Bahkan, ia menjadi sesuatu yang amat perit dalam sejarah

Islam dan sukar untuk dilupakan. Tambahan pula, barat berjaya untuk menerapkan ideologi-ideologi sehingga mengubah landskap pemikiran dan gaya hidup umat Islam. Keadaan ini membuatkan umat Islam terbahagi kepada dua keadaan iaitu: satu golongan yang menerima budaya barat sehingga hilang identiti Muslim dan meninggalkan tradisi ajaran Islam. Manakala satu golongan memandang Barat dengan prasangka negatif dan buruk. Walaupun kisah kejatuhan empayar Islam telah berlalu dan tiada lagi bentuk penjajahan fizikal berlaku, tetapi perasaan curiga dan sangsi terhadap barat tetap berterusan.

Tambah Gulen lagi, kekangan dalam membentuk generasi manusia terbaik juga wujud apabila tercetusnya dua ideologi berbeza dalam kalangan umat Islam sendiri, pertama: Islam sebagai satu ideologi politik yang dinamik menerima kebebasan. Kebebasan ini kemudiannya bertukar menjadi satu ideologi bebas yang dilihat cenderung memisahkan nilai-nilai keagamaan dan kehidupan. Kedua; kalangan umat Islam yang membawa ideologi yang melampau dan keras. Percanggahan dua ideologi ini juga memberi kesan terhadap barat yang keliru dan salah faham terhadap Islam.

Kesimpulan

Usaha mewujudkan sebuah generasi manusia terbaik atau ‘Golden Generation’ merupakan satu keperluan. Namun, cabaran ke arah perkara tersebut perlu dihadapi dengan kesungguhan dan tindakan strategik, bukan hanya sekadar pandai berkata-kata, tetapi perlu berubah kepada sikap yang lebih baik. Gulen (2004) pernah menyebut:

“Those who want to reform the world must first reform themselves. In order to bring others to the path of travelling to better world, they must purify their inner world of hatred, rancor, and jealousy and adorn outer world with virtue. Those who are far removed from self control and self-discipline, who have failed to refine their feeling, may seem attractive and insightful at first. However, they will not be able to inspire others in any permanent way, and the sentiments they arouse will soon disappear”

Kata-kata ini merupakan satu gambaran kepada permulaan bagi setiap sesuatu tindakan perlu kepada kebolehpayaan dan kesediaan untuk mengubah diri sendiri. Sudah tentu, manusia mempunyai kesediaan untuk berubah kepada keadaan yang lebih baik berdasarkan sumber epistemologi yang kukuh. Walaubagaimanapun, sejauh mana pula kesediaan umat Islam untuk mengadaptasi pendekatan ‘Golden Generation’ dalam menghadapi cabaran dunia moden. Menjadi perkara yang penting untuk umat Islam mengkaji tradisi ilmu serta mengamalkannya dalam bentuk praktikal dengan sebaik mungkin. Tokoh pemikir seperti Fethullah Gulen berjaya mengemukakan idea mewujudkan generasi masa depan yang lebih baik, namun untuk melihat perkara tersebut direalisasikan dan memberi kesan terhadap revolusi peradaban manusia merupakan satu cabaran yang besar bagi umat Islam.

Rujukan

- Ahmad Faizuddin Ramli. 2017. Pemikiran dan Sumbangan Fethullah Gulen dalam Dilaog Antara Agama. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 4(2), 33-34.
- Ahsan Khan, Maimun. 2011. *The Vision and Impact of Fethullah Gulen a New Paradigm for Social Activism*. New York: Blue Dome Press.
- Albayrak, Ismail. 2011. *Introduction*. Dlm. *Mastering Knowledge in Modern Times Fethullah Gulen as an Islamic Scholar*. New York: Blue Dome Press.
- Ali Salihin. 2014. Pemikiran Fethullah Gulen dalam Pendidikan Islam. Tesis Doktor Falsafah. Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Amjad Hussein & Ali Ayten. 2017. A New Era for Turkey the Attempted Coup of the 15th of July. *International Journal of West Asian Studies*. 9(1), 1-11.
- Balci, Bayram. 2003. Fethullah Gülen's Missionary Schools in Central Asia and their Role in the Spreading of Turkism and Islam. *Religion, State & Society*. 31(2), 151-174.
- Billici, Mucahit. 2006. The Fethullah Gulen Movement and its Politics Representation in Turkey. *The Muslim World*. 96(1), 1-20.
- Celik, Gurkan & Valkenberg, Pim. 2007. Gülen's Approach to Dialogue and Peace: Its Theoretical Background and Some Practical Perspectives. *The International Journal of Diversity in Organisations, Communities and Nations*. 7, 29-37.
- Celik, Gurkan et.al. 2007. Modern Ideals and Muslim Identity: Harmony or Contradiction? a Text Linguistic Analysis of the Gülen Teaching and Movement. *Prosiding International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement*.
- Demir, Emre. 2007. The Emergence Of A Neocommunitarian Movement In The Turkish Diaspora In Europe: The Strategies Of Settlement And Competition Of Gülen Movement In France And Germany. *Prosiding International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement*.
- Ernita Dewi. 2015. Konsep Manusia Ideal Dalam Perspektif Suhrawardi al-Maqtul. *Substantia*, 17(1), 41-54.
- Fontenot, Michael J & Karen Fontenot. The Gulen Movement: Communicating Modernization, Tolerance and Dialogue in the Islamic World. *The International Journal of Humanities*. 6(12), 67-78.
- Ghulam Fatima & Munaza Hayat. 2016. An Appraisal of Reformative Dimensions of Gulen Movement in Turkey. *Pakistan Journal of Social Sciences*. 36(2), 1243-1250.
- Gulay. Erol N. 2007. The Theological Thought of Fethullah Gülen: Reconciling Science and Islam. Tesis Doktor Falsafah, St. Antony's College, Oxford University.
- Gulay. Erol N. 2007. The Gulen Phenomenon: A Neo-Sufi Challenge to Turkey's Rival Elite?. *Critique: Critical Middle Eastern Studies*. 16(1), 37-61.
- Gülen, Fethullah. *Islam and Dogmatism*. 2003. <http://fGülen.com/en/fethullah-Gülens-life/1305-Gülens-thoughts/25048-islam-and-dogmatism> (diakses pada 20 jun 2018)
- Gulen, M. Fethullah. 1998. *Towards the Lost Paradise*. Turkey: Kaynak(Izmer).
- Gulen, M. Fethullah. 2000. *Pearls of Wisdom*. Terj. Ali Unal. Virginia: The Faountain.
- Gulen, M. Fethullah. 2000. *Key Concepts in the Practice of Sufism*. Virginia: The Fountain.
- Gulen, M. Fethullah. 2004. *Towards a Global Civilization of Love and Tolerance*. New Jersey: The Light, Inc.

- Gulen, M. Fethullah. 2004. *The Necessity of Interfaith Dialog* . Dlm. *Essays Perspectives Opinions M. Fethullah Gulen*. USA: The light, Inc. & Isik Yayinlari.
- HM, Syamsudini. 2013. Cinta dan Toleransi Perspektif Fethullah Gulen. *The Indonesia Journal of Education and Islamic Sceinces*. 5(2), 370-397.
- Karakas, Fahri. 2004. A Global Agenda for Interfaith Dialogue Tolerance, Love and Cooperation. Kertas kerja yang dibentang dlm. *Interfaith Dialog of Dialogue Foundation*, Montreal, Canada.
- Kayaoglu, Turan. 2007. Preachers of Dialogue : International Relations and Interfaith Theology. *International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement*.
- Kayaoglu, Turan. 2011. Constructing Dialogue of Civilizations: A case of Islamic Norm-marking in International Society. *The Annual Meeting of International Studies Association*. Montreal.
- Kayaoglu, Turan. 2015. Explaining Interfaith Dialogue in the Muslim World. *Politics and Religion*. 8, 236-262.
- Keles, Ozcan. 2007. Promoting Human Rights Values In The Muslim World: The Case Of The Gülen Movement. *Prosiding International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement*.
- Kurtz, Lester R. 2005. Gülen's Paradox: Combining Commitment and Tolerance. *The Muslim World*. 95, 373-384.
- Krippendorf, Klaus. 1980. *Content Analysis an Introduction to Its Methodology*. London: Sage Publications.
- Lacey, Jonathan. 2014. "Turkish Islam" as "Good Islam": How the Gülen Movement Exploits Discursive Opportunities in a Post-9/11 Milieu. *Journal of Islamic Minority Affairs*. 34(2), 95-110.
- Moh. Asor Yusuf. 2016. Konsep Manusia Ideal Seyyed Hossein Nasr Dan Relevansinya Dengan Pengembangan Karakter Masyarakat Modern Indonesia. *Didaktika Religia*. 4(1), 135-137.
- Muhammad Nawab Osman. 2007. Gülen's Contribution To A Moderate Islam In Southeast Asia. *International Conference Muslim World in Transition: Contributions of the Gülen Movement*. Hlm. 334-346.
- Pruitt, Lesley. 2011. Creating a Musical Dialogue for Peace. *International Journal of Peace Studies*. 16(1), 81-103.
- Ramirez, J. Martin. 2007. Peace Through Dialogue. *International Journal on World Peace*. 24(1), 65-81.
- Saritoprak, Zeki & Griffith, Sidney. 2005. Fethullah Gülen and the 'People of the Book': A Voice from Turkey for Interfaith Dialogue. *The Muslim World*. 95, 329-340.
- Schleifer, Abdallah. 2015. *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims*. Amman: The Royal Islamic Strategic Studies Centre.
- Sunier, Thijil. 2014. Cosmopolitan Theology : Fethullah Gulen and the Making of a 'Golden Generation' . *Ethnic and Racial Studies*. 37(12), 2193-2208.
- Turam, Berna. 2015. Gulenology. *American Interest*. 10, 24-31.

- Vile, John R. 2010. An Evangelical Perspective on Religious and Political Views of M. Fethullah Gulen and Gulen Movement. *European Review of Social Psychology*. 4(2), 3-29.
- Yavuz, M. Hakan & Koc, Rasim. 2016. The Turkish Coup Attempt: The Gulen Movement vs State. *Middle East Policy*. 23(4), 136-148.
- Yucel, Salih. 2010. Fethullah Gulen: Spiritual Leader in Global Islamic Context. *Journal of Religion and Society*. 12, 1-19.
- Yucel, Salih. 2013. Muslim-Christian Dialogue: Nostra Aetate and Fethullah Gulen's Philosophy of Dialogue. *Australia ejournal of Theology*. 30(3), 197-206.
- Zia-ul-Haq, Muhammad. 2014. Muslims' Participation in Interfaith Dialogue: Challenges and Prospects. *Journal of Ecumenical Studies*. 49(4), 613-646.